

TPM pertahan kegagalan Pakatan Harapan tunai janji Tidak wajar jadi modal

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ **KLANG 29 JULAI**

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail menyifatkan adalah tidak tepat untuk menuduh kerajaan Pakatan Harapan gagal menunaikan janji kerana pakatan itu baru sahaja mentadbir Putrajaya.

Beliau sebaliknya membandingkan perkara tersebut dengan tempoh pentadbiran Barisan Nasional (BN) sebelum ini dan menyifatkan ia tidak sewajarnya dijadikan modal kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis.

“Berapa hari kita (Pakatan Harapan) dalam kerajaan? Berapa lama BN dalam kerajaan? Itu saya tanya baliklah,” katanya selepas menghadiri program pemeriksaan kesihatan percuma anjuran Hospital Pakar Al-Islam Kampung Baru bersama Biro Kesihatan Angkatan



Berapa hari kita (Pakatan Harapan) dalam kerajaan? Berapa lama BN dalam kerajaan? Itu saya tanya baliklah.”

WAN AZIZAH WAN ISMAIL
Timbalan Perdana Menteri

Belia Islam Malaysia (ABIM) di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik dan calon PKR, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni.

Kerajaan Pakatan Harapan ketika ini dikritik hebat kerana gagal menunaikan banyak manifesto yang dijanjikan dalam tempoh 100 hari pentadbiran dan ketika menjawab kritikan tersebut, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad memberitahu, manifesto bukan kitab suci yang perlu diikuti sepenuhnya.

Sementara itu, ketika lawatannya ke Pusat Pemulihan Dadah Persendirian Darussolihin di Kampung Jalan Kebun di sini pula, Wan Azizah mengingatkan para pelatih agar tidak mensia-siakan masa dan ilmu yang diperoleh bagi memulakan hidup baharu yang bebas daripada najis dadah.

“Masa yang ada ini penting untuk dimanfaatkan supaya hidup lebih bermakna. Semoga segala usaha (memulihkan diri daripada dadah) mendapat ganjaran. Jangan putus harapan dan jangan putus asa dengan rahmat Allah,” katanya ringkas.

Wan Azizah kemudian menghadiri majlis selawat dan cukur jambul anjuran pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Darul Wardah dan Amani di Masjid An-Naim, kira-kira 100 meter dari pusat pemulihan tersebut.

Pada majlis berkenaan, Timbalan Perdana Menteri turut mengambil kesempatan berselawat bersama kira-kira 50 ibu yang baru menimang cahaya mata dan menyertai majlis cukur jambul.



WAN AZIZAH WAN ISMAIL memeriksa mata **Tamilselvi Matesan** dalam program pemeriksaan kesihatan percuma di Klang, semalam. Turut sama **Mohd. Zawawi Ahmad Mughni** (berdiri dua, dari kanan).